19 OCT 2001
Belanjawan-Sosial
DUTI IMPORT NAIK ELAK TABIAT MEROKOK DI KALANGAN PELAJAR

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Duti import bagi rokok dinaikkan lagi dalam Belanjawan 2002 atas dasar kebimbangan kerajaan terhadap tabiat merokok yang kian menular di kalangan pelajar sekolah dan kurangnya kesedaran orang ramai tentang bahaya merokok, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Menyedari hakikat ini, saya mencadangkan duti import bagi rokok dinaikkan daripada RM180 sekilogram kepada RM216 sekilogram, manakala duti eksais pula dinaikkan daripada RM40 sekilogram kepada RM48 sekilogram," kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya menyedari bahawa langkah ini akan menarik lebih banyak usaha penyeludupan, kerajaan juga akan meningkatkan kecekapan pentadbiran Jabatan Kastam dan pihak berkuasa lain dalam membentuk satu pendekatan lebih agresif terhadap kegiatan itu.

Untuk membanteras gejala sosial lain yang semakin berleluasa, beliau berkata kerajaan bercadang memperuntukkan RM6.8 juta kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi melaksanakan program di bawah Pelan Induk Tindakan Sosial (Pintas) bagi mewujudkan kerjasama dan penglibatan semua pihak dalam usaha membanteras gejala sosial.

Manakala Program Khidmat Sosial Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang bertujuan mengatasi masalah sosial di kalangan golongan remaja lepasan sekolah menengah, diperuntukkan sebanyak RM7.7 juta.

Dr Mahathir berkata sejumlah RM312.4 juta disediakan bagi mengatasi masalah dadah dan jenayah di negara ini.

"Daripada jumlah ini, RM140.4 juta adalah bagi meneruskan usaha pencegahan, terutamanya bagi membanteras penyeludupan dan penyalahgunaan dadah, di samping meningkatkan usaha rawatan kepada penagih," katanya.

Katanya badan sukarela seperti Pemadam dan Pengasih turut disediakan peruntukan sebanyak RM280,500.

Manakala sejumlah RM172 juta disediakan untuk mempercepatkan penyiasatan dan penyelesaian kes jenayah melalui peningkatan penggunaan teknik moden seperti penggunaan profil DNA bagi mengesan penjenayah, katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan sememangnya mengiktiraf dan menghargai semangat kesukarelaan dan juga komitmen yang ditunjukkan pelbagai badan sukarela.

Oleh itu kerajaan akan menyediakan geran mengurus sebanyak RM22.9 juta dan geran pembangunan sebanyak RM6 juta kepada 375 badan sukarela kebajikan, di samping peruntukan sejumlah RM10 juta kepada badan sukarela yang memberi perkhidmatan haemodialisis.

Belanjawan kali ini juga memberi perhatian kepada badan sukarela bukan kerajaan untuk meningkat aktiviti mencegah penyakit Aids, penyalahgunaan dadah dan program Hospis bagi rawatan pesakit kanser yang tenat.

"Kerajaan akan memberi matching grant (geran padanan) pada nisbah bantuan sebanyak RM1 bagi setiap RM1 yang dikeluarkan oleh badan ini tertakluk kepada had RM1 juta," katanya.

Satu peruntukan khas juga akan diadakan bagi penagih dadah yang menghidap HIV atau Aids, katanya.

-- BERNAMA

FA ZS RON